Kedudukan imam selepas solat

Menjadi kebiasaan Rasulullah SAW selepas selesai mengimamkan solat, untuk berpaling menghadap ke arah makmum samada di sebelah kanan atau kiri atau tengah. Ini berdasarkan beberapa hadith antaranya:
1) Daripada Samurah Bin Jundub r.a katanya:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا صَلَّى صَلَاةً أَقْبَلَ عَلَيْنَا بِوَجْهِهِ

Terjemahan: "Adapun Nabi SAW apabila selesai suatu solat, baginda akan menghadapkan wajahnya kepada kami".[1]

Hadith ini menerangkan tentang kebiasaan baginda SAW menghadapkan wajahnya kepada makmum tanpa disebut kecenderungannya ke kiri atau ke kanan.

2) As-Suddi (seorang tabi'ien) bertanya kepada Anas Bin Malik:
كَيْفَ أَنْصَرِفُ إِذَا صَلَّيْتُ عَنْ يَمِينِى أَوْ عَنْ يَسَارِى قَالَ أَمَّا أَنَا فَأَكْثَرُ مَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- يَنْصَرِفُ عَنْ يَمِينِهِ .
Terjemahan: "Bagaimana aku ingin berpaling apabila aku selesai solat? Adakah ke sebelah kanan atau kiriku?" Jawab Anas: Adapun aku, yang paling banyak aku lihat Rasulullah SAW berpaling adalah ke sebelah kanannya."[2]

Hadith ini pula adalah penyaksian Anas bahawa nabi SAW lebih kerap memandang ke sebelah kanannya tanpa menafikan tentang perbuatan berpaling ke sebelah kiri.

3) 'Aisyah r.a berkata:
كَانَ النَّبِىُّ -صلى الله عليه وسلم- إِذَا سَلَّمَ لَمْ يَقْعُدْ إِلاَّ مِقْدَارَ مَا يَقُولُ « اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلاَمُ وَمِنْكَ السَّلاَمُ تَبَارَكْتَ ذَا الْجَلاَلِ وَالإِكْرَامِ ». وَفِى رِوَايَةِ ابْنِ نُمَيْرٍ « يَا ذَا الْجَلاَلِ وَالإِكْرَامِ ».
Terjemahan: "Adapun Nabi SAW apabila selesai memberi salam, baginda tidak akan duduk (mengadap ke kiblat) melainkan pada kadar menyebut (اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلاَمُ وَمِنْكَ السَّلاَمُ تَبَارَكْتَ ذَا الْجَلاَلِ وَالإِكْرَامِ).
Dalam riwayat Ibn Numair (يَا ذَا الْجَلاَلِ وَالإِكْرَامِ).[3]

---

[1] Hadith riwayat Al-Bukhari, no.809
[2] Hadith riwayat Muslim, no.1674
[3] Hadith riwayat Muslim, no.1363

Hadith ini menerangkan bahawa baginda SAW tidak lama dalam keadaan duduk *tasyahhud akhir* selepas memberi salam. Justeru itu sebahagian ulama memakruhkan tindakan imam yang lambat berpaling ke arah makmum. Perbuatan menghadapkan wajah imam kepada makmum itu menunjukkan bahawa ibadat solat sudahpun selesai.[4]

Bacaan wirid selepas solat mengikut sunnah

(1

أستغفِرُ الله أستغفِرُ اللهَ أستغفِرُ الله

Terjemahan: Aku memohon keampunan Allah (3 kali)

Dalilnya:

عَنْ ثَوْبَانَ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- إِذَا انْصَرَفَ مِنْ صَلاَتِهِ اسْتَغْفَرَ ثَلاَثًا وَقَالَ « اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلاَمُ وَمِنْكَ السَّلاَمُ تَبَارَكْتَ ذَا الْجَلاَلِ وَالإِكْرَامِ ». قَالَ الْوَلِيدُ فَقُلْتُ لِلأَوْزَاعِىِّ كَيْفَ الاِسْتِغْفَارُ قَالَ تَقُولُ أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ.

Terjemahan: Daripada Thauban r.a, katanya: "Rasulullah SAW apabila selesai daripada solatnya akan beristighfar 3 kali dan baginda berkata:

(اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلاَمُ وَمِنْكَ السَّلاَمُ تَبَارَكْتَ ذَا الْجَلاَلِ وَالإِكْرَامِ)

Al-Walid (perawi hadith ini) bertanya kepada Al-Auza'ie (guru Al-Walid yang juga perawi hadith ini): Bagaimana beristighfar? Jawabnya: Kamu sebut:
(أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ)[5]

(2

اللَّهم أنْتَ السَّلامُ ، ومِنكَ السَّلامُ ، تَبارَكتَ يا ذَا الجلالِ والإكْرَام

Terjemahan:
Ya Allah! Engkaulah Yang Maha Sejahtera, dan daripada-Mulah kesejahteraan, Maha Berkat Engkau Wahai Yang Memiliki Keagungan dan Kemuliaan

Dalilnya:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ كَانَ النَّبِىُّ -صلى الله عليه وسلم- إِذَا سَلَّمَ لَمْ يَقْعُدْ إِلاَّ مِقْدَارَ مَا يَقُولُ « اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلاَمُ وَمِنْكَ السَّلاَمُ تَبَارَكْتَ ذَا الْجَلاَلِ وَالإِكْرَامِ ». وَفِى رِوَايَةِ ابْنِ نُمَيْرٍ « يَا ذَا الْجَلاَلِ وَالإِكْرَامِ ».

Terjemahan: Daripada 'Aisyah r.a, beliau berkata: "Adapun Nabi SAW apabila selesai memberi salam, baginda tidak akan duduk (mengadap ke kiblat)

[4] Al-Bassam. *Taudih Al-Ahkam* (2/292)

[5] Hadith riwayat Muslim, no.1362

melainkan pada kadar menyebut (اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلاَمُ وَمِنْكَ السَّلاَمُ تَبَارَكْتَ ذَا الْجَلاَلِ وَالإِكْرَامِ). Dalam riwayat Ibn Numair (يَا ذَا الْجَلاَلِ وَالإِكْرَامِ).[6]

3)

لاإلهَ إلا اللهُ وحدَهُ لا شَرِيكَ لَهُ ، لَهُ المُلْكُ ، ولَهُ الحَمْدُ ، وهو على كلِّ شيءٍ قديرٌ ، اللّهُمَّ لا مَانِعَ لِمَا أعطيْتَ ، ولا مُعطِيَ لِمَا مَنَعْتَ ، ولا يَنْفَعُ ذَا الجَدِّ مِنكَ الجَدُّ

Terjemahan:
Tiada Tuhan melainkan Allah satu-satunya Dia, tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya kerajaan, dan bagi-Nya puji-pujian. Dan Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu. Ya Allah! Tiada yang dapat menghalang untuk apa yang Engkau berikan, dan tiada yang dapat memberi untuk apa yang Engkau halang, dan tiada bermanfaat kekayaan orang yang memiliki kekayaan daripada (azab)-Mu.

Dalilnya:
كَتَبَ الْمُغِيرَةُ بْنُ شُعْبَةَ إِلَى مُعَاوِيَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- كَانَ إِذَا فَرَغَ مِنَ الصَّلاَةِ وَسَلَّمَ قَالَ « لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ اللَّهُمَّ لاَ مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ وَلاَ مُعْطِىَ لِمَا مَنَعْتَ وَلاَ يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ ».

Terjemahan: Al-Mughirah Bin Syu'bah r.a telah menulis kepada Mu'awiyah r.a bahawasanya Rasulullah SAW apabila selesai daripada solat dan memberi salam, baginda menyebut: (لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ اللَّهُمَّ لاَ مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ وَلاَ مُعْطِىَ لِمَا مَنَعْتَ وَلاَ يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ)[7]

4)

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ، لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إلا باللهِ ، لا إلهَ إلا اللهُ ، ولا نَعبُدُ إلا إيَّاه ، لَهُ النِّعْمَةُ ، ولَهُ الفَضْلُ ، ولَهُ الثَّنَاءُ الحَسَنُ ، لا إلهَ إلا اللهُ مُخْلِصِينَ له الدِّينَ ، وَلَو كَرِهَ الكافرون

Terjemahan:
Tiada tuhan melainkan Allah satu-satunya Dia, tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya kerajaan, dan bagi-Nya puji-pujian. Dan Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu. Tiada keupayaan dan tiada kekuatan melainkan dengan Allah. Tiada tuhan melainkan Allah, dan kami tidak mengabdikan diri melainkan kepada-Nya. Bagi-Nya nikmat, bagi-Nya kelebihan dan bagi-Nya pujian yang baik. Tiada

---

[6] Hadith riwayat Muslim, no.1363

[7] Hadith riwayat Al-Bukhari, no.5971

tuhan melainkan Allah (kami) dalam keadaan mengikhlaskan agama bagi-Nya sekalipun dibenci oleh orang-orang kafir.

Dalilnya:
كَانَ ابْنُ الزُّبَيْرِ يَقُولُ فِى دُبُرِ كُلِّ صَلاَةٍ حِينَ يُسَلِّمُ « لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللَّهِ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَلاَ نَعْبُدُ إِلاَّ إِيَّاهُ لَهُ النِّعْمَةُ وَلَهُ الْفَضْلُ وَلَهُ الثَّنَاءُ الْحَسَنُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ ». وَقَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- يُهَلِّلُ بِهِنَّ دُبُرَ كُلِّ صَلاَةٍ.

Terjemahan: Adapun (Abdullah) Bin Az-Zubair menyebut selepas setiap solat

(لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللَّهِ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَلاَ نَعْبُدُ إِلاَّ إِيَّاهُ لَهُ النِّعْمَةُ وَلَهُ الْفَضْلُ وَلَهُ الثَّنَاءُ الْحَسَنُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ). Dan dia (Ibn Az-Zubair) berkata: "Adapun Rasulullah SAW bertahlil dengannya (kalimat-kalimat tersebut) selepas setiap kali solat."[8]

5)
اللَّهُمَّ أَعِنِّى عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ

Terjemahan:
Ya Allah! Bantulah daku untuk mengingati-Mu, bersyukur kepada-Mu dan beribadat kepada-Mu dengan baik

Dalilnya:
عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- أَخَذَ بِيَدِهِ وَقَالَ « يَا مُعَاذُ وَاللَّهِ إِنِّى لأُحِبُّكَ وَاللَّهِ إِنِّى لأُحِبُّكَ ». فَقَالَ « أُوصِيكَ يَا مُعَاذُ لاَ تَدَعَنَّ فِى دُبُرِ كُلِّ صَلاَةٍ تَقُولُ اللَّهُمَّ أَعِنِّى عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ »

Terjemahan: Daripada Mu'adz Bin Jabal r.a, bahawasanya Rasulullah SAW memegang tangannya dan bersabda: "Wahai Mua'dz! Demi Allah! Sesungguhnya aku menyayangimu. Demi Allah! Sesungguhnya aku menyayangimu". Lalu baginda bersabda: "Aku berpesan kepadamu wahai Mu'adz! Janganlah sekali-kali engkau tinggalkan selepas selesai setiap solat untuk engkau menyebut (اللَّهُمَّ أَعِنِّى عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ)[9]

6)
اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ الْبُخْلِ ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ الْجُبْنِ ، وَأَعُوذُ بِكَ أَنْ أُرَدَّ إِلَى أَرْذَلِ الْعُمُرِ ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الدُّنْيَا ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ

---

[8] Hadith riwayat Muslim, no.1371

[9] Hadith sahih riwayat Ahmad, no.22126 dan Abu Daud, no.1524

Terjemahan:
Ya Allah! Sesungguhnya aku berlindung dengan-Mu daripada sifat bakhil, dan aku berlindung dengan-Mu daripada sifat pengecut, dan aku berlindung dengan-Mu daripada dikembalikan kepada umur yan paling lemah, dan aku berlindung dengan-Mu daripada fitnah (huru-hara) dunia, dan aku berlindung dengan-Mu daripada azab kubur

Dalilnya:
كَانَ سَعْدٌ يُعَلِّمُ بَنِيهِ هَؤُلَاءِ الْكَلِمَاتِ كَمَا يُعَلِّمُ الْمُعَلِّمُ الْغِلْمَانَ الْكِتَابَةَ وَيَقُولُ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَتَعَوَّذُ مِنْهُنَّ دُبُرَ الصَّلَاةِ اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ الْبُخْلِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ الْجُبْنِ وَأَعُوذُ بِكَ أَنْ أُرَدَّ إِلَى أَرْذَلِ الْعُمُرِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الدُّنْيَا وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ

Terjemahan: Adapun Sa'ad (Bin Abi Waqqas) mengajar anak-anaknya kalimat-kalimat itu sepertimana seorang guru mengajar kanak-kanak menulis, beliau berkata: "Sesungguhnya Rasulullah SAW sentiasa memohon perlindungan daripadanya selepas solat: (اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ الْبُخْلِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ الْجُبْنِ وَأَعُوذُ بِكَ أَنْ أُرَدَّ إِلَى أَرْذَلِ الْعُمُرِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الدُّنْيَا وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ)".[10]

7)
اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ

Dalilnya:
عَنْ أَبِي أُمَامَةَ - رضي الله عنه - قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صلى الله عليه وسلم - - مَنْ قَرَأَ آيَةَ الْكُرْسِيِّ دُبُرَ كُلِّ صَلَاةٍ مَكْتُوبَةٍ لَمْ يَمْنَعْهُ مِنْ دُخُولِ الْجَنَّةِ إِلَّا الْمَوْتُ

Terjemahan: Daripada Abi Umamah r.a, katanya: Sabda Rasulullah SAW: "Barangsiapa yang membaca ayat Al-Kursi selepas setiap kali solat fardhu, tiada yang menghalangnya daripada masuk syurga melainkan mati".[11]

---

[10] Hadith riwayat Al-Bukhari, no.2667 & 6004

[11] Hadith sahih riwayat An-Nasa'ie dalam *'Amal Al-Yaum wa Al-Lailah*, no.100.
Hadith yang sama diriwayatkan juga oleh At-Tabrani dalam *Al-Mu'jam AlKabir* tetapi dengan tambahan (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ). Ia adalah batil. Rujuk: Al-Albani. *As-Silsilah Ad-Dha'ifah* (no.6012).

(8

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ (1) اللَّهُ الصَّمَدُ (2) لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ (3) وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ (4)

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ (1) مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ (2) وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ (3) وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ (4) وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ (5)

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ (1) مَلِكِ النَّاسِ (2) إِلَهِ النَّاسِ (3) مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ (4) الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ (5) مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ (6)

Dalilnya:
عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ قَالَ أَمَرَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ أَقْرَأَ الْمُعَوِّذَاتِ دُبُرَ كُلِّ صَلَاةٍ

Terjemahan: Daripada 'Uqbah Bin 'Amir r.a, katanya: "Rasulullah SAW mengarahkan aku untuk membaca *Al-Mu'awidzat* (surah-surah yang mengandungi permohonan perlindungan Allah) selepas setiap kali solat".[12]

(9

سُبْحَانَ اللَّهِ 33 x الْحَمْدُ لِلَّهِ 33 x اللَّهُ أَكْبَرُ 34 x

Dalilnya:
عَنْ كَعْبِ بْنِ عُجْرَةَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- قَالَ « مُعَقِّبَاتٌ لاَ يَخِيبُ قَائِلُهُنَّ - أَوْ فَاعِلُهُنَّ - دُبُرَ كُلِّ صَلاَةٍ مَكْتُوبَةٍ ثَلاَثٌ وَثَلاَثُونَ تَسْبِيحَةً وَثَلاَثٌ وَثَلاَثُونَ تَحْمِيدَةً وَأَرْبَعٌ وَثَلاَثُونَ تَكْبِيرَةً ».

Terjemahan: Daripada Ka'ab Bin 'Ujrah r.a daripada Rasulullah SAW, sabdanya: "Perkataan-perkataan yang berturut-turut[13] yang tidak akan mengecewakan penuturnya -atau pelakunya- setiap kali lepas solat fardhu: 33 kali tasbih, 33 kali tahmid dan 34 kali takbir".[14]
atau

(10

سُبْحَانَ اللَّهِ 33 x الْحَمْدُ لِلَّهِ 33 x اللَّهُ أَكْبَرُ 33 x

---

[12] Hadith riwayat An-Nasa'ie, no. 1259 dan disahihkan oleh Al-Albani.
[13] Dinamakan juga *mu'aqibat* kerana ia disebut selepas solat
[14] Hadith riwayat Muslim, no.1377

لا إِلَهَ إلا اللهُ وَحدَهُ لا شَرِيكَ لَهُ ، لَهُ المُلْكُ ، ولَهُ الحمدُ ، وهو على كل شيءٍ قديرٌ

Dalilnya:
عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- « مَنْ سَبَّحَ اللَّهَ فِى دُبُرِ كُلِّ صَلاَةٍ ثَلاَثًا وَثَلاَثِينَ وَحَمِدَ اللَّهَ ثَلاَثًا وَثَلاَثِينَ وَكَبَّرَ اللَّهَ ثَلاَثًا وَثَلاَثِينَ فَتِلْكَ تِسْعَةٌ وَتِسْعُونَ وَقَالَ تَمَامَ الْمِائَةِ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ غُفِرَتْ خَطَايَاهُ وَإِنْ كَانَتْ مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ ».
Terjemahan: Daripada Abu Hurairah r.a daripada Rasulullah SAW: "Barangsiapa bertasbih kepada Allah selepas setiap kali solat 33 kali, bertahmid kepada Allah 33 kali dan bertakbir kepada Allah 33 kali, maka itu semua (berjumlah) 99, dan menyebut pelengkap ke-100 (لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ), nescaya diampunkan kesalahan-kesalahannya sekalipun ia seperti buih-buih laut (banyaknya)".[15]

<u>Perhatian</u>:

1. Para ulama tidak sepakat dalam penyusunan tertib keseluruhan wirid-wirid yang didapati dalam nas. Oleh itu susunan berikut adalah sebahagian daripada apa yang telah diijtihadkan oleh sebahagian ulama. Sekiranya terdapat bentuk susunan yang lain yang diperolehi, ia juga boleh diamalkan selama mana ia berada dalam lingkungan petunjuk nas yang sahih.

2. Terdapat riwayat yang mengkhususkan bacaan tertentu selepas solat tertentu umpamanya solat Maghrib dan solat Subuh.

عَنْ مُسْلِمِ بْنِ الْحَارِثِ التَّمِيمِيِّ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ أَسَرَّ إِلَيْهِ فَقَالَ إِذَا انْصَرَفْتَ مِنْ صَلَاةِ الْمَغْرِبِ فَقُلْ اللَّهُمَّ أَجِرْنِي مِنْ النَّارِ سَبْعَ مَرَّاتٍ فَإِنَّكَ إِذَا قُلْتَ ذَلِكَ ثُمَّ مِتَّ فِي لَيْلَتِكَ كُتِبَ لَكَ جِوَارٌ مِنْهَا وَإِذَا صَلَّيْتَ الصُّبْحَ فَقُلْ كَذَلِكَ فَإِنَّكَ إِنْ مِتَّ فِي يَوْمِكَ كُتِبَ لَكَ جِوَارٌ مِنْهَا
Terjemahan: Daripada Muslim Bin Al-Harith At-Tamimi daripada Rasulullah SAW: bahawasanya baginda berbisik kepadanya lalu bersabda: "Apabila engkau selesai daripada solat Maghrib sebutlah: (اللَّهُمَّ أَجِرْنِي مِنْ النَّارِ) 7 kali. Sesungguhnya engkau jika menyebutnya kemudian engkau mati pada malam itu, dituliskan bagimu pelindung daripadanya (neraka). Dan jika engkau solat

---

[15] Hadith riwayat Muslim, no.1380

Subuh, maka sebutlah sedemikian, sesungguhnya jika engkau mati pada hari itu, ditulis bagimu pelindung daripadanya".[16]

Kesilapan yang berlaku ialah mengkhususkan bacaan tersebut di tempat tertentu yang tidak sahih secara nas. Sedangkan yang sahih ialah membaca doa tersebut secara mutlak, pada bila-bila masa dalam sehari semalam. Ini berdasarkan hadith:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا اسْتَجَارَ عَبْدٌ مِنْ النَّارِ ثَلَاثَ مِرَارٍ إِلَّا قَالَتْ النَّارُ اللَّهُمَّ أَجِرْهُ مِنِّي وَلَا يَسْأَلُ الْجَنَّةَ إِلَّا قَالَتْ الْجَنَّةُ اللَّهُمَّ أَدْخِلْهُ إِيَّايَ

Terjemahan: Daripada Anas Bin Malik r.a katanya: Sabda Rasulullah SAW: "Tidaklah seorang hamba itu memohon perlindungan daripada neraka 3 kali melainkan ia (neraka) akan berkata: Ya Allah! Lindungilah dia daripadaku. Dan tidaklah dia memohon syurga melainkan ia (syurga) akan berkata: Ya Allah! Masukkanlah dia ke dalamku".[17]

3. Terdapat beberapa riwayat yang sahih tentang bilangan tasbih, tahmid dan takbir selain daripada 33 kali. Kesemuanya harus diamalkan, cuma bilangan ini adalah yang paling banyak diriwayatkan dan paling kerap diamalkan. Dalam keadaan waktu yang sibuk, seseorang itu boleh memilih untuk meringkaskan bilangan tasbih, tahmid dan takbir itu kepada bilangan yang sedikit.

---

[16] Hadith riwayat Ahmad, no.18083 dan Abu Daud, no.5081. Kata Ad-Daraqutni: Muslim Bin Al-Harith *majhul*, justeru hadith ini didha'ifkan oleh Al-Albani, Syu'aib Al-Arnaut dan lain-lain.

[17] Hadith riwayat Ahmad, no.12170. Ia disahihkan oleh Syu'aib Al-Arnaut. Manakala Al-Albani mensahihkan hadith daripada Abu Hurairah yang diriwayatkan oleh Abu Ya'la dengan isnad atas syarat Al-Bukhari dan Muslim yang menyebut bilangan 7 kali.